

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 FEBRUARY 2017

# Dr. Mahathir minta bantuan Anwar gagalkan RCI?

**KUALA LUMPUR 11 Feb.** -- Pertemuan antara bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam dipercayai ada kaitan dengan usaha menggagalkan cadangan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kerugian sebanyak AS\$10 bilion (RM44 bilion) yang dialami Bank Negara Malaysia (BNM).

Penganalisis politik, Raja Petra Kamarudin berkata, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) mahu Anwar memujuk bekas Penolong Gabenor BNM, Datuk Abdul Murad Khalid untuk melakukan pusingan U dan menarik semula pendedahannya sebelum ini.

"Kerugian sebanyak RM44 bilion itu merupakan skandal yang



**Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) mahu Anwar memujuk bekas Penolong Gabenor BNM, Datuk Abdul Murad Khalid untuk melakukan pusingan U dan menarik semula pendedahannya sebelum ini."**

**RAJA PETRA KAMARUDIN**  
Penganalisis politik

tidak diperkatakan sepanjang 24 tahun lalu, berbeza dengan tindakan Penasihat DAP, Lim Kit Siang yang menyalak selama 20 tahun atau Setiausaha Publisiti Kebangsaan DAP, Tony Pua yang berbuih mulut berhubung isu 1Malaysia

Development Berhad (1MDB)," katanya melalui portal *Malaysia Today*, <http://www.malaysia-today.net> hari ini.

Pertemuan antara Dr. Mahathir dan Anwar berlangsung selama kira-kira 45 minit di Kompleks

Mahkamah Kuala Lumpur di sini semalam.

Kelmarin, Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin memberitahu, kerajaan mempertimbangkan kemungkinan menyiasat semula dakwaan mengenai kerugian BNM.

Baru-baru ini, Abdul Murad mendedahkan, BNM mencatatkan kerugian sebanyak RM44 bilion melalui kegiatan perdagangan mata wang sepanjang era pentadbiran Dr. Mahathir, jauh lebih besar daripada jumlah yang dilaporkan bank pusat tersebut.

Dalam pendedahan tersebut, Abdul Murad berkata, Laporan Tahunan BNM pada 1994 hanya mencatatkan kerugian sebanyak RM9 bilion akibat kegiatan itu sedangkan angkanya yang sebenar adalah jauh lebih besar.

UM-12/2/2017